

TNB, JKR buat kajian pasang bumbung solar

➔ Jabatan Kerja Raya bakal nikmati faedah bersih elektrik kos sifar modal

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB), menerusi anak syarikatnya, TNBX Sdn Bhd (TNBX) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) sedang melaksanakan kajian daya maju untuk memasang bumbung solar di bangunan JKR di bawah Program Pembelian Tenaga Solar TNB.

Kajian berkenaan adalah satu daripada lima bidang kerjasama

menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara kedua-dua pihak

TNB pasang PV

MoU itu dimeterai oleh Pengarah Urusan TNBX, Ir Nirinder Singh Johl, manakala JKR diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), Ir Kamaluddin Abdul Rashid.

Menerusi MoU itu, TNB akan melabur, mereka bentuk, memasang dan menyelenggara sistem fotovoltan solar (PV) di bangunan

JKR sepanjang tempoh kontrak selama 20 hingga 25 tahun.

Dengan pemasangan sistem bumbung PV dengan TNBX, JKR akan menikmati faedah bersih elektrik pada kos sifar modal terdahulu.

JKR juga akan dibilkan bagi elektrik yang dijana daripada sistem PV solar pada kadar yang lebih rendah daripada tarif elektrik biasa TNB.

Di samping itu, JKR boleh menjual sebarang tenaga berlebihan yang dijana daripada PV solar kembali ke TNB di bawah Skim Meter



Nirinder Singh (tiga dari kanan) dan Kamaluddin bertukar dokumen pada majlis memeterai perjanjian di Kuala Lumpur, semalam.

Tenaga Bersih (NEM).

Justeru, menerusi Program Pembelian Tenaga Solar TNB ini, JKR akan memperoleh manfaat daripada elektrik bersih untuk memenuhi sasaran pengurangan karbon tanpa membabitkan sebarang modal dan meraih keuntungan daripada penjumlahan kos elektrik secara kesetruhan dengan minimum risiko.

Tangani isu tenaga

Mengulas mengenai MoU berkenaan, Ir Nirinder berkata, kerja-

sama ini sebagai kerja berpasukan dua entiti yang berminat untuk menangani isu pengurusan tenaga.

"Diharapkan, inisiatif ini akan meningkatkan kesedaran untuk keperluan yang lebih besar bagi pengurusan tenaga di Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kedua-dua pihak juga bekerjasama dalam empat bidang lain iaitu Promosi Teknologi Hijau; Negara Pintar; Operasi Ketepatan dan Kecemerlangan Penyelidikan.